

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 APRIL 2021

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

Kadar defisit Malaysia masih rendah berbanding negara lain

KOTA BHARU – Penularan Covid-19 ketika ini bukan sahaja menjejaskan kadar defisit negara, malah wabak itu turut menjejaskan negara-negara seluruh dunia termasuk pengeluaran minyak dunia.

Bagaimanapun, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kadar defisit yang dicatatkan di Malaysia sebenarnya masih rendah berbanding negara luar.

Katanya, kadar defisit Malaysia yang kini masih berdepan peningkatan kes Covid-19 be-

rada pada sekitar enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Bukan Malaysia sahaja yang mengalami defisit, tetapi pengeluaran minyak dunia turut berdepan masalah ini kerana kesan pandemik Covid-19," katanya pada sidang akhbar selepas membuat lawatan kerja ke Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Kelantan di Wisma Persekutuan di sini semalam.

Beliau menambah, pihaknya difahamkan kebanyakan negara luar mengalami masalah defisit

sekitar 10 hingga 15 peratus.

"Covid-19 memberi kesan dan merupakan cabaran kepada ekonomi ketika ini.

"Selain ekonomi, cabaran kesihatan juga terpaksa dilalui oleh masyarakat dunia ketika ini," ujarnya.

Jelas Mustapa, kerajaan sentiasa bekerja keras untuk memulihkan ekonomi negara dengan merangka pelbagai strategi terutamanya mewujudkan peluang pekerjaan dan memperkasakan perusahaan mikro.



KERAJAAN sentiasa berkerja keras untuk memulihkan ekonomi negara termasuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.